

Sebanyak 1,000 buah unit rumah dibina di bawah konsep sewa, beli

PPR RM247 juta dibina di Langkawi

Oleh ZAID MOHD. NOOR

LANGKAWI — Dua projek perumahan menerusi Program Perumahan Rakyat (PPR) dengan kos RM247 juta sedang dibangunkan di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Ayer Hangat dan DUN Kuah di sini bagi menampung keperluan penduduk.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, projek mengandungi 1,000 unit kediaman itu akan dijual kepada penduduk menerusi konsep sewa dan beli.

Beliau berkata, kerja-kerja awal pembinaan PPR tersebut telah dimulakan dan dijangka siap tahun depan.

"Projek di DUN Ayer Hangat akan diberi nama PPR Hulu Melaka yang mengandungi dua blok sebelas tingkat manakala projek PPR di DUN Kuah pula melibatkan tiga blok sebelas tingkat," katanya ketika berucap pada Majlis Pemimpin Bersama



NAJIB (tengah) melihat model Projek Perumahan Rakyat yang akan dibina di Langkawi semalam.

Rakyat serta Pelancaran Projek Perumahan PPR dan Jeti Nelayan Chenang Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC) di sini semalam.

Turut hadir Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Bashah Md. Hanipah; Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan,

Tan Sri Noh Omar dan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Terdahulu, Najib turut melancarkan Digital Langkawi dan merasmikan mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Langkawi.

Menurut beliau, kerajaan juga



NAJIB (tengah) memperkatakan sesuatu kepada Tony Fernandes (tiga dari kanan) sebelum melancarkan laluan baharu AirAsia di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi.

setuju untuk membina sebuah jeti nelayan berharga RM9.16 juta di Pantai Chenang bagi kemudahan 400 nelayan.

Dalam pada itu ketika merasmikan laluan baharu AirAsia bagi penerbangan terus dari Langkawi ke Shenzhen, China, Najib berkata, ia akan membuka jalan bagi pulau bebas cu-

kai ini untuk terus dimajukan sebagai destinasi pelancongan berkelas dunia.

Upacara itu berlangsung di Kompleks Lang Merah di sini dan turut dihadiri Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Ab. Aziz Kaprawi serta Ketua Eksekutif Kumpulan AirAsia, Tan Sri Tony Fernandes.